

NO. SOALAN: 70

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK KOH NAI KWONG [ALOR GAJAH]**

**TARIKH : 1 OGOS 2017**

**RUJUKAN : 10002**

**SOALAN:**

**Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan keberkesanan Kempen Sifar Dadah yang dilancarkan tahun lepas dan apakah langkah-langkah yang diambil serta usaha-usaha yang dijalankan untuk membanteras jenayah penagihan dadah.**

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memandang serius isu dan permasalahan dadah menerusi pelbagai usaha pembanterasan yang dilakukan secara berterusan. Kerajaan telah melancarkan pelbagai kempen ke arah negara sifar dadah. Salah satu kempen antidadah yang dilancarkan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada tahun 2016 ialah Perangi Dadah Habis-Habisan (PDH). PDH memberi fokus kepada pendidikan pencegahan, rawatan dan pemulihan serta penguatkuasaan. Bagi tujuan ini, AADK telah mengambil pendekatan *National Blue Ocean Strategy (NBOS)* dengan pelbagai agensi seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan Kementerian Pelajaran.

Bagi menilai keberkesanan Program PDH ini, Persatuan Kaunseling Malaysia (PEKAMA) telah mengadakan satu kajian dan mendapati kempen PDH amat berjaya dan berkesan dalam mengatasi masalah penagihan dadah secara keseluruhannya. Antara hasil kajian tersebut adalah seperti berikut:

- a) berlaku penurunan kadar penagih baru yang dikesan di kawasan tumpuan kempen PDH;
- b) komitmen yang ditunjukkan oleh pemegang taruh (*stakeholder*) kepada kempen PDH adalah amat tinggi; dan

- c) berlaku peningkatan tahap kesediaan komuniti untuk berubah atau mengambil tindakan terhadap masalah penagihan yang berlaku dalam komuniti mereka.

Di samping itu, Kerajaan melalui Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah mengambil langkah-langkah berterusan untuk membanteras kegiatan jenayah berkaitan dadah seperti berikut:

- a) memperluaskan jaringan kerjasama di peringkat antarabangsa dan tempatan dalam berkongsi maklumat risikan serta menjalankan operasi bersama;
- b) mempergiatkan tindakan penguatkuasaan oleh *Special Tactical Intelligence Narcotics Group (STING)* untuk membanteras *drug kingpin*, sindiket pengedaran dadah berskala besar serta membongkar makmal haram memproses dadah;
- c) mengambil tindakan pencegahan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ke atas sindiket dan individu yang menjadi dalang kegiatan pengedaran dadah; dan
- d) melumpuhkan sumber kewangan individu atau sindiket pengedaran dadah melalui penyitaan harta di bawah Akta Dadah Berbahaya (Perlucutahan Harta) 1988.